

08 AUG 1998

Mahathir-Insurans

MEMBELI INSURANS NYAWA MENGUNTUNGAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata menabung dengan cara membeli insurans nyawa akan dapat memberi faedah kepada pemegang polisi insurans ketika bersara di samping membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata meskipun kerajaan ada menyediakan skim pencen kepada kakitangan awam dan menggalakkan pekerja membuat simpanan menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai faedah persaraan tetapi ia masih tidak mencukupi.

"Adalah penting bagi mereka untuk mempunyai insurans nyawa supaya mereka dapat faedah apabila bersara kelak," katanya semasa merasmikan Kongres Insurans Nyawa Cina Sedunia Kedua di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini.

Beliau berkata menyimpan wang menerusi pembelian insurans nyawa adalah lebih baik daripada simpanan tetap kerana ia menggalakkan orang ramai menabung bagi jangka panjang.

Katanya kerajaan menyediakan insentif percukaian kepada orang ramai untuk membeli polisi insurans nyawa.

Walaupun kerajaan akan kerugian dari segi cukai pendapatan tetapi simpanan mereka akan dapat digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan dan menghasilkan lebih banyak pendapatan dalam negara bagi membolehkan kerajaan mengutip lebih banyak cukai pendapatan kemudiannya.

Dr Mahathir berkata kesemua negara di Asia kecuali China telah terjejas akibat kegawatan ekonomi dan kini mereka memerlukan kewangan yang banyak untuk memulihkan ekonomi mereka.

"Dalam keadaan begini, menyimpan wang adalah lebih baik", katanya dan menambah Malaysia mempunyai kadar simpanan yang tinggi iaitu 38 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KNK).

Kira-kira 5,000 ejen insurans nyawa dari China, Taiwan, Hong Kong, Singapura, Brunei dan Malaysia menghadiri kongres tiga hari itu.

-- BERNAMA

JM+NH oba